

UCHAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DALAM MAJLIS JAMUAN NEGERI SARAWAK, KUCHING,
PADA 3018 APRIL, 1971 - JAM 7.30 MALAM.

Tuan Yang Terutama Gabnor Sarawak, Tun Tuanku
Haji Dujang dan Toh Puan;

Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak;

Y.B. Tan Sri Temenggong Jugah, Menteri Hal
Ehwal Sarawak;

Y.B. Enche Ong Kee Hui, Menteri Teknologi,
Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan;

Y.B. Menteri2 Kerajaan Negeri;

Tuan2 dan Puan2 Sakalian.

Saya merasa sangat gembira kerana
dapat hadir di-tengah2 tuan2 dan puan2
sakalian.

UCHAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGENAI
ANGGARAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN DI-DEWAN RAAYAT
PADA HARI SELASA, 20HB JULAI, 1971

Tuan Yang di-Pertua,

Saya dengan hormat-nya membentangkan usul:

"Mengikut Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa satu jumlah tambahan sebanyak \$328,918,407 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1971, dan bagi maksud Kepala dan Pechahan Kepala Perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang

Rasa gembira saya ini timbul kerana ini-lah pertama kali saya dapat datang ke Sarawak sa-bagai Timbalan Perdana Menteri untok bertemu dengan tuan2 dan puan2 sakalian.

Dan kedua, ini-lah juga peluang bagi saya untok melihat sa-chara dekat perkembangan dan kemajuan yang telah di-chapai oleh Sarawak khas-nya dalam tempoh dua tahun lalu dan 'an-nya semenjak ia memasuki Malaysia.

Majlis pada malam ini sangat-lah memberi arti kepada saya kerana ia menchatetkan satu titik sejarah dalam bidang mempererat hubungan antara Kerajaan Pusat dan Negeri dan antara raayat di-Malaysia Barat dengan di-Malaysia Timor.

Sukacitta-lah saya memberikan ucapan
tahniah atas kejayaan2 dan perkembangan yang baik
yang telah di-hasilkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak
di-bawah pimpinan Tuan Yang Terutama Gabnor yang
mempunyai perhubungan yang luas dengan rakyat.

Juga di-bawah tadbir yang cekap daripada
Ketua Menteri yang telah mewujudkan keadaan erat
dan kukuh antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan
Kerajaan Pusat. Perkembangan2 ini sangat-lah
sesuai dengan imej baru negara dan dengan hasrat
kita untuk menjadikan Malaysia sa-bagai sa-buah
negara yang mamor dan progressif.

Semenjak tujuh tahun Sarawak berada dalam Malaysia ia telah menchapai banyak kejayaan2 di-bandingkan dengan apa yang telah di-chapai oleh bekas pemerintah negeri ini dulu. Saya dapat merasakan keinginan rakyat untuk menjadikan Sarawak sa-buah negeri yang maju dan kaya.

Lebih dari itu, saya dapat memahamkan bahawa masa depan rakyat Sarawak, harapan mereka dan aspirasi mereka tidak dapat di-pisahkan dengan nasib serta masa depan rakyat Malaysia seluruh-nya.

Dan ingin-lah saya menyatakan di-sini bahawa rakyat Malaysia Barat dan Malaysia Timur ada-lah bersatu haluan dan keazaman dalam pergolakan menentukan satu keperibadian Malaysia, Satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Saya sedar bahawa dalam menuju matlamat ini, banyak kesulitannya yang di-hadapi. Banyak halangan dan rintangan. Namun demikian, suka-lah saya memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat yang di-pimpin oleh Y.A.B. Perdana Menteri Tun Abdul Razak akan sentiasa menghubungi supaya Sarawak seluruh-nya tetap kekal dan maju ke-hadapan se-bagai negeri dalam Malaysia. Kenyataan politik ini akan sentiasa di-pertahankan dengan segala kekuatan tenaga yang ada pada kita.

Biar-lah ikrar keazaman ini menjadi ingatan kepada mana2 pihak yang chuba mengganggu keutuhan kedaulatan negara.

Mengenai hal keselamatan negeri kita dapati bahawa ada anasir2 dalam Negeri Sarawak ini yang chuba memesongkan haluan raayat Sarawak ini ka-arrah lain. Tetapi gulongan ini ada-lah sangat kechil. Pengaruh mereka pun hanya di-rasakan oleh sa-bilangan kechil penduduk2 negeri ini. Oleh yang demikian, saya yakin bahawa gulongan2 ini pun pada satu masa akan sedar bahawa usaha2 yang saperti itu tidak akan membawa hasil hanya akan membahayakan kedudukan mereka sahaja.

Di-bawah Kerajaan champoran yang berjalan sekarang dan dengan penyertaan SUPP dalam Kerajaan telah menunjukkan bahawa pemimpin politik di-negeri ini sanggup membelakangkan kepentingan

kepentingan parti dan bersama dalam konsep politik yang luas serta berazam untuk membena negeri Sarawak supaya ia menjadi negara yang maju. Saya yakin juga bahawa perpaduan pemimpin SUPP dengan Bumiputra akan berjalan terus untuk menambahkan kegiatan kita bagi membena satu front yang sanggup menentang sa-barang ancaman terhadap negeri di-samping membawa negeri ka-arrah zaman baru.

Saya tahu juga bahawa raayat yang terdiri daripada berbagai suku kaum di-Sarawak ini masih berusaha memupok perasaan muhibbah dan saling mengerti terhadap suku lain.

Saya menyeru supaya usaha2 yang lebih dinamis untuk mempererat perhubungan antara suku kaum dan dengan ini ada-lah di-harapkan bahawa perasaan baik sangka dapat di-bena dan rakyat akan bulat menghadapi satu objektif. Objektif itu ia-lah untuk tinggal hidup dalam Malaysia dan membena sa-bagai sa-buah negeri multi-racial yang benar2 maju dan progressive.

Mengenai perhubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, saya sedar bahawa ada beberapa perkara yang agak kusut. Ini ada-lah perkara biasa dalam mana2 negeri Persekutuan seperti Malaysia ini.

Bagaimana pun, saya yakin dengan tolak ansor serta menyesuaikan sikap kita dengan objektif yang lebih luas perkara kusut ini akan dapat di-selesaikan dengan mudah.

Pada peringkat permulaan ini tentu-lah ada masalah tetapi tuan2 sedar bahawa kita hanya mengechap nikmat kemerdekaan dalam masa beberapa tahun sahaja. Dalam tempoh yang begitu singkat raayat Sarawak telah menchapai banyak perubahan2. Yang besar dan paling penting ia-lah menukar nasib raayat Sarawak daripada menjadi anak tanah jajahan kepada raayat Malaysia yang bebas merdeka. Kadang kala perubahan besar seperti ini yang menukarkan keadaan nasib raayat di-lupai apabila menghadapi sa-suatu yang personal.

Saya berharap dengan ada-nya keazaman serta pimpinan yang chekap daripada Kerajaan sekarang kita akan dapat membawa Negeri Sarawak kapada keadaan yang lebeh maamor dan bahagia.

Negeri Sarawak ini ada-lah kaya tetapi di-sebabkan oleh beberapa faktor kekayaan bumi Sarawak ini tidak dapat di-jalankan begitu pesat sa-hingga ia memberi hikmat kapada satu golongan kechil sahaja. Akan tetapi di-bawah dasar ekonomi baru Kerajaan Malaysia ini, raayat miskin akan di-pandu untok menchapai sa-suatu peringkat pembangunan agar mereka mendapat pembahagian yang adil.

Sa-bagai penutup, saya ingin-lah menyatakan rasa gembira saya kerana dapat hadzir dalam majlis jamuan ini.

Kapada Kerajaan Negeri Sarawak, saya sangat menghargakan kehormatan yang di-berikan kapada saya terutama pada mengadakan keraihan malam ini.

Terima kaseh.



